

23/05/2003

Duta asing puas hati keselamatan negara

PUTRAJAYA: Wakil kedutaan asing berpuas hati dengan penjelasan Wisma Putra mengenai tahap keselamatan negara ini dan tidak merasakan Malaysia terdedah kepada sebarang ancaman keganasan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata daripada maklum balas melalui taklimat yang diadakan di sini, semua wakil kedutaan asing mengakui bahawa Malaysia adalah negara selamat dan aman.

"Daripada perbualan saya dengan duta di sini, mereka berpuas hati dan menganggap taklimat begini adalah cara baik dan telus.

"Malah Duta Amerika Syarikat, Marie Huthala memaklumkan kepada saya bahawa amaran perjalanan yang dikeluarkan ke atas Malaysia tidak dilihat sebagai satu amaran, tetapi lebih kepada pengumuman umum," katanya kepada pemberita selepas taklimat dan sesi soal jawab dengan wakil kedutaan asing di Wisma Putra, di sini semalam.

Selain Syed Hamid, Asisten Komisioner C Pakianathan dari Bukit Aman turut memberi penjelasan mengenai keselamatan negara.

Sebelum ini, Amerika Syarikat (AS) dan Jerman mengeluarkan amaran perjalanan kepada rakyat masing-masing yang ingin melawat Malaysia dan tindakan itu menjejaskan imej negara kerana dianggap sebagai negara yang tidak selamat.

Syed Hamid berkata, Huthala turut menjelaskan pengumuman itu bukan amaran serius, tetapi lebih kepada meminta rakyatnya berhati-hati jika melawat Pulau Sipadan berikutan kebimbangan mereka dengan konflik di Selatan Filipina.

"Dia memaklumkan kepada saya yang pengumuman itu tidak bermakna AS menganggap Malaysia mempunyai ancaman dan dia sendiri berjanji akan membuat laporan kepada Washington mengenai tahap keselamatan negara ini.

"Malah dia juga berpuas hati dengan keadaan di Sipadan selepas lawatan ke Sabah baru-baru ini. Jadi saya meminta supaya hubungan baik dalam pertukaran maklumat risikan kedua-dua negara terus terjalin," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Syed Hamid meminta negara asing yang ingin mengeluarkan amaran perjalanan, berunding dengan kerajaan terlebih kerana adalah tidak adil untuk menyamakan Malaysia dengan negara di rantau ini yang menghadapi ancaman keganasan.

Ketika ditemui pemberita selepas dialog dengan Persatuan Bekas Duta Malaysia di Hotel Shangri-la di sini, Syed Hamid berkata, Malaysia mempunyai alasan untuk berasa 'dihukum' oleh mana-mana negara kuasa besar berikutan keputusan yang diambil kerajaan terbabit sehingga boleh menjejaskan kepentingan negara.

Bagaimanapun, ia tidak akan mempengaruhi polisi luar negara, terutama dalam hubungan dua hala, tetapi kerajaan akan mengambil langkah berhati-hati mengenainya.

Syed Hamid juga tidak menolak kemungkinan bahawa kerajaan terpaksa

menilai semua dasar luar negara supaya dapat mengikuti perkembangan dan perubahan yang berlaku di dunia.

Bagaimanapun, beliau berkata, sebarang perubahan adalah berdasarkan kepada kepentingan negara dalam semua bidang.

Menjawab soalan mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini yang memberi jaminan bahawa polisi luar negara tidak akan berubah walaupun Dr Mahathir akan bersara Oktober depan,

Syed Hamid berkata:

"Asas bagi prinsip luar negara tidak akan berubah, iaitu jika kita perlu bersikap tegas dan lantang, kita akan terus berbuat demikian, tetapi kita perlu membuat beberapa perubahan praktikal yang diperlukan selaras perubahan dunia."

Beliau berkata, Malaysia tidak bercadang menjadi perantara dalam sebarang rundingan damai kerajaan Indonesia dengan Aceh atau memberi perlindungan kepada rakyat Aceh yang melarikan diri ke sini.

Syed Hamid berkata, keputusan itu dibuat berikutan Kuala Lumpur berpendapat konflik di Aceh adalah masalah dalaman yang perlu diselesaikan

Indonesia melalui cara mereka sendiri.

Dalam perkembangan lain, Wisma Putra mengesahkan tiada rakyat Malaysia terbabit dalam kejadian gempa bumi di sekitar ibu negara Algeria kelmarin.